

12 FEB 2003

Filem-Tiba (Bergambar)

DELEGASI PERTAMA FESTIVAL FILEM DUNIA KUALA LUMPUR TIBA

KUALA LUMPUR, 12 Feb (Bernama) -- Delegasi pertama Festival Filem Dunia Kuala Lumpur 2003 dari Uzbekistan tiba di sini, malam ini untuk menyertai festival tiga hari itu bermula Ahad ini.

Delegasi seramai tiga orang diketuai Murod Mukhammad Dost, yang tiba dengan penerbangan dari Tashkent pada 8.35 malam di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) di Sepang, disambut oleh para pegawai penganjur.

Mereka adalah kumpulan pertama daripada sejumlah 39 negara yang tiba untuk menyertai festival filem itu yang dianjurkan Malaysia sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 pada 20 hingga 25 Feb ini.

Terdapat 48 penyertaan untuk festival kali ini yang berdasarkan kepada konsep utama iaitu menghantar mesej kedamaian kepada dunia.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual melancarkan festival itu di Dataran Merdeka pada Ahad ini manakala penutupan akan disempurnakan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail pada 18 Feb di Hotel Mandarin Oriental.

Terdapat tiga anugerah perdana bagi tiga filem yang paling menepati tema festival dan empat anugerah penghargaan juri berdasarkan ketetapan spesifikasi filem iaitu kedamaian, keharmonian, persahabatan dan tiada diskriminasi.

Orang ramai berpeluang menonton filem-filem yang dipertandingkan itu secara percuma di pawagam Tanjung Golden Village (TGV) di Kuala Lumpur City Centre (KLCC) dan Golden Screen Cinema (GSC) di Mid Valley Megamall.

Beberapa personaliti industri perfileman tempatan dan antarabangsa seperti Datin Sarimah Ahmad, Aziz Jaafar, Aziz Satar, Mustafa Maarof, Ahmad Mahmud, Wahid Satay, S. Samsudin, Zaiton, Mariani, Datuk L.Krishnan, Ibrahim Pendek dan artis serta pengarah antarabangsa, Datuk Michelle Yeoh dijangka hadir memeriahkan festival itu.

-- BERNAMA

AT RV NAK